



Ilmu geografi adaptasi perubahan dunia

Jika diajukan soalan kepada kanak-kanak, apakah cita-cita mereka, sudah pasti doktor, jurutera, guru, saintis mahupun peguam bela menjadi jawapan utama yang bermain di minda. Tetapi tiada siapa bercita-cita ingin menjadi ahli geografi.

Sedangkan bidang ini sudah wujud beberapa ribu tahun dulu. Perkataan geografi digunakan buat pertama kalinya oleh Eratosthenes, seorang ahli falsafah Greek pada 2,300 tahun lalu. Malah, beliau jugalah yang memperkenalkan disiplin geografi seperti mana kita fahami hari ini.


Bidang geografi pula tidak boleh lari daripada peta dan terdapat penemuan sebuah peta tertua di Iraq diperbuat daripada tanah liat. Peta ini dipercayai digunakan sejak zaman Nabi Ibrahim AS. Kini dengan zaman yang lebih canggih, penggunaan satelit dan perkakasan komputer, peta tampil secara digital dan padat dengan pelbagai maklumat.

Ketika zaman persekolahan saya dulu Geografi lebih kepada mengenal apa yang ada di atas dan persekitaran bumi serta proses sekitarnya. Mengetahui nama negara, ibu negara, benua serta lembangan sungai di dunia antara fakta yang perlu diingat dan difahami. Kemudian pada masa saya menjejak kaki ke menara gading, geografi secara perlahan-lahan menjadi lebih saintifik dan matematikal. Mengkaji antara lokasi dan perhubungannya membuatkan bidang ini lebih menarik dan relevan.

Kini apabila bertugas sebagai pendidik, bidang geografi tampak lebih segar apabila diperkasakan dengan satu akronim yang tidak asing lagi dalam sains geografi iaitu GIS (Geographic Information Systems). Pada hari ini selari dengan pembangunan teknologi menyelesaikan masalah global, geografi tampil lebih gagah dengan pelbagai dimensi untuk memahami dunia yang kompleks sekali guna membantu mencari penyelesaian bersama.

Adakah masih relevan?

Majoriti restoran makanan segera kini menggunakan geografi untuk menghantar makanan tepat masanya kepada pelanggan. Malah, dalam pilihan raya semua maklumat seperti Rancangan Undang-undang Negeri (DUN) dan Parlimen dipaparkan bersama dengan peta manakala GIS digunakan untuk



APLIKASI WAZE gabung medium geografi, GIS, GPS serta komunikasi secara terus sesama pengguna jalan raya.

melihat corak pengundian negara. Di dalam industri permotoran, sistem navigasi GPS (Global Positioning System) pula dipasang di dalam kebanyakan kenderaan dengan kepelbagaian GIS lain. Pegawai polis juga diperkenalkan dengan GIS pada rutin seharian membasmi jenayah, selain ahli epidemiologi menggunakan GIS untuk mengenal pasti perkelompokan penyakit berjangkit. Senarai kepenggunaan GIS bercambah secara komprehensif.

Tahukah anda, kerelevanan geografi tidak boleh disangkal lagi apabila aplikasi WAZE kini bukan sahaja semakin meningkat di serata dunia serta satu aplikasi yang harus ada bagi setiap pengguna telefon pintar. Ia sebuah aplikasi yang menggabungkan antara medium geografi, GIS, GPS serta komunikasi secara terus dengan pengguna jalan raya lain. Paparan peta digital, maklumat trafik serta pelbagai info daripada pengguna lain seperti cuaca, kesesakan lalu lintas, kemalangan mahupun lokasi saman trafik!

Persepsi masyarakat

Pada minggu yang lalu, semester baru universiti bermula, ada di antara ibu bapa yang bertanyakan soalan kepada saya, apakah geografi sebenarnya? Sejauh mana geografi penting dan soalan cepu emas mereka sebagai pemegang ijazah major Geografi bagaimana dengan skop pekerjaan kelak?

Sebenarnya sebagai ahli geografi

situasi ini kerap kali berlaku. Sama ada duduk bersebelahan dengan seseorang di dalam kapal terbang mahupun majlis keramaian. Kebiasaannya pada awalan perbualan seseorang akan bertanya kepada saya, huh Geografi? Awak ahli geografi? Apa itu geografi sebenarnya? Apa yang ahli geografi buat atau kaji? Ini adalah skrip soalan kerap kali dilontarkan kepada saya.

Peluang sebeginilah yang saya lihat cukup baik untuk memperkenalkan apa itu geografi alaf baru. Bagaimanapun, sebenarnya sebagai ahli geografi tiada satu definisi khas menerangkan makna sebenar ilmu ini. Maka jawapan yang tampil secara analogi ringkas sebagai proksi kepada geografi moden ini.

Kenapa geografi penting?

Lebih 80 peratus daripada aktiviti kerajaan tempatan berasaskan geografi. Zon perbandaran, lot tanah, sempadan mukim, daerah, kemudahan awam, kutipan sampah juga poskod.

Setiap aduan yang dibuat, lokasi menjadi rujukan utama. Lihat sahaja mana-mana borang yang perlu diisi, bukannya alamat menjadi satu kewajipan. Di dalam kad pengenalan pula terdapat kod negeri. Inilah geografi.

Terdapat jabatan dan agensi yang signifikan dan relevan dalam kerajaan negeri berkaitan dengan komponen geografi seperti pengangkutan jalan raya, saliran dan perpaipan juga tenaga elektrik. Bidang perniagaan pula menggunakan GIS secara meluas dalam pelbagai aplikasi. Pada hari ini, bidang penyelidikan saintifik baik dari biologi, kejuruteraan, fizik, alam bina turut memerlukan kepakaran GIS.

Ilmu geografi ini sangat membantu kita untuk sentiasa mengadaptasi perubahan dunia semakin kompleks ini. Sesuai dengan sifat geografi itu yang sentiasa dinamik dan relevan dalam apa jua situasi. Namun, malangnya subjek Geografi bukan lagi menjadi subjek utama di sekolah tetapi sekadar subjek pilihan. Ini harus diambil perhatian oleh pihak berwajib. Sedangkan jika kita lihat geografi semakin penting pada hari ini. Geografi perlu diperkasakan!

Penulis adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Geografi, Fakulti Sastera & Sains Sosial Universiti Malaya